

22 SEP, 2025

AVEVA PERKASA TRANSFORMASI DIGITAL INDUSTRI MALAYSIA

Utusan Malaysia, Malaysia



AVEVA PERKASA TRANSFORMASI DIGITAL INDUSTRI MALAYSIA

UTUSAN: Boleh perkenalkan syarikat AVEVA serta perkhidmatan yang ditawarkan serta apakah industri utama yang menjadi tumpuan AVEVA di Malaysia?

NAVEEN: AVEVA ialah peneraju global dalam perisian industri yang memacu inovasi dan kelestarian, serta merupakan sebahagian daripada portfolio perisian industri agnostik milik Schneider Electric.

Kami menyatukan automasi, elektrik dan pendigitalan untuk membuka kecerdasan industri, sekali gus meningkatkan nilai dan daya saing pelanggan kami.

Kami berkongsi misi untuk mempercepatkan produktiviti dan menyokong matlamat kelestarian pelanggan, sambil mengekalkan kelincuhan operasi untuk memenuhi kehendak dunia hari ini dan masa depan.

Lebih 90 peratus daripada perusahaan industri terkemuka dunia bergantung kepada AVEVA untuk membantu mereka menyampaikan keperluan asas kehidupan tenaga yang selamat dan boleh dipercayai, makanan, ubat-ubatan, infrastruktur dan banyak lagi.

Ekosistem kami yang diperkaya merangkumi 7,000 rakan kongsi dan 5,700 pembangun bertauliah di seluruh dunia menjadikan rangkaian lebih 20,000 rakan kongsi kami mampu menjangkau hampir setiap pasaran tempatan.

Platform terbuka AVEVA CONNECT direka bentuk untuk serasi dengan semua penyelesaian perisian di pasaran, membolehkan pelanggan membina dan mengoptimalkan keseluruhan ekosistem mereka pada setiap peringkat kitaran hayat industri. Ia memperkasakan organisasi untuk menggunakan pengurusan data bersepadu, AI, analitik dan alat berkaitan bagi memacu transformasi perniagaan secara skala besar.

Di Malaysia, kami bekerjasama dengan pemain utama dalam sektor tenaga, utiliti, minyak dan gas, bahan kimia serta infrastruktur industri yang memainkan peranan penting dalam peralihan tenaga negara dan pembangunan industri.

Projek kami bersama organisasi seperti Petronas, TNB dan Air Selangor merangkumi penyediaan keterlihatan operasi masa nyata hingga ke pengoptimuman grid pintar.

Melalui penukaran data industri kepada maklumat yang boleh diambil tindakan, kami membantu syarikat-syarikat di Malaysia bukan sahaja mening-

MUKADIMAH

AVEVA merupakan peneraju global dalam perisian industri yang membantu syarikat di seluruh dunia memacu inovasi, kecekapan dan kelestarian.

Berpangkalan di United Kingdom dan kini sebahagian daripada portfolio perisian industri agnostik Schneider Electric, AVEVA membangunkan penyelesaian digital yang menyatukan automasi, elektrifikasi dan pendigitalan untuk transformasi perniagaan berskala besar.

AVEVA menyediakan rangkaian perisian yang merangkumi seluruh kitaran hayat industri daripada reka bentuk kejuruteraan, operasi loji, hingga ke analitik masa nyata dan kecerdasan buatan (AI).

katkan prestasi operasi, tetapi juga mempercepatkan perjalanan mereka ke arah kelestarian dan mengekalkan kelebihan daya saing dalam persekitaran perniagaan yang semakin kompleks.

Pelanggan kami juga menggunakan penyelesaian AVEVA untuk pengoptimuman masa nyata, pengoptimuman rantaian nilai hujung ke hujung, penyenggaraan ramalan serta reka bentuk kejuruteraan.

Apakah peranan AI, analitik ramalan dan platform data industri yang semakin berkembang dalam membantu syarikat-syarikat Malaysia meningkatkan daya saing di pasaran global?

Dalam ekonomi global yang tidak menentu hari ini, syarikat industri berhadapan pelbagai cabaran termasuk perubahan geopolitik, ancaman keselamatan siber dan perubahan demografi.

Untuk kekal berdaya saing, mereka perlu lebih tangkas, menyokong proses nyah karbon dan memperkukuh tenaga kerja mereka.

Namun begitu, banyak pemimpin industri masih bergantung kepada rangkaian yang terpisah dan tidak bersepadu, yang menyukarkan mereka untuk mendapatkan pandangan masa nyata atau mengoptimalkan nilai secara menyeluruh.

Mengikut laporan Industrial Intelligence Index kami, kekurangan akses kepada data

Dengan lebih daripada 20,000 rakan kongsi dan pelanggan di lebih 100 negara, AVEVA membantu organisasi mengurus data industri mereka untuk membuat keputusan lebih cepat, mengurangkan kos operasi dan mencapai matlamat prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG).

Di Malaysia, AVEVA bekerjasama rapat dengan syarikat-syarikat terkemuka seperti Petronas, Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Air Selangor untuk mempercepatkan trans-



formasi digital dan peralihan tenaga negara. Antara teknologi utama yang digunakan ialah AVEVA PI System, AVEVA CONNECT dan penyelesaian AI & predictive analytics untuk pemantauan aset, pengoptimuman tenaga dan penyelenggaraan ramalan.

Bagi mengetahui lebih lanjut ikuti temubual Wartawan Utusan Malaysia, **ZAKKINA WATI AHMAD TARMIZI** bersama, Naib Presiden bagi Bahan Kimia, Sumber Asli dan Pembuatan, AVEVA, **NAVEEN KUMAR** baru-baru ini.

"AVEVA MENYOKONG TRANSFORMASI DIGITAL SEKTOR TENAGA DI MALAYSIA DENGAN MEMBINA ASAS YANG MEMBOLEHKAN KEPUTUSAN YANG LEBIH BIJAK, PANTAS DAN LESTARI DI SELURUH KITARAN HAYAT ASSET."

masa nyata yang boleh dipercayai masih menjadi halangan utama kepada kecekapan operasi di rantau ini.

Untuk memanfaatkan sepenuhnya keupayaan AI, syarikat perlu mempunyai infrastruktur data yang kukuh.

Penyatuan data pada platform terbuka yang agnostik diperkaya dengan cerapan AI mampu mentransformasikan operasi industri.

Ini membolehkan kolaborasi lebih baik merentas pasukan, keputusan lebih pantas dengan penggunaan sumber yang minimum di setiap peringkat kitaran hayat industri. Ini menuntut pendekatan yang meng-

hapuskan silo data iaitu menghapuskan halangan budaya dan organisasi agar pasukan, komuniti dan rakan kongsi dapat berkongsi pandangan merentas sempadan, mewujudkan ekosistem yang saling berhubung iaitu membina rangkaian yang lebih tangkas dan berdaya tahan.

Selain itu, ia turut menyambungkan data merentas kitaran hayat industri: Integrasi menyeluruh membolehkan keputusan lebih bijak dan impak jangka panjang.

Keupayaan AI berkembang pesat, sejajar dengan perundangan dan piawaian yang mengawalinya. Apabila lebih banyak piawaian diperkenalkan, termasuk dalam aspek kelestarian, ini akan mempercepatkan penggunaan teknologi ini.

Bagi syarikat Malaysia, transformasi berasaskan data dan dipacu AI akan membolehkan pengoptimuman operasi, kawalan proses adaptif dan penanda aras prestasi masa nyata semuanya penting untuk bersaing dalam landskap industri global yang semakin automatik.

Bagaimanakah kecerdasan industri bersambung (connected industrial intelligence) menyokong mandat ESG Malaysia, serta meningkatkan kelincuhan operasi dan prestasi pelepasan karbon?

Dengan tekanan yang semakin meningkat untuk nyah karbon, syarikat industri terutamanya dalam sektor yang banyak menggunakan tenaga

kini beralih kepada kecerdasan industri bersambung untuk mentransformasikan cara mereka beroperasi.

Pemantauan masa nyata dan analitik ramalan membolehkan pengendali mengurangkan waktu henti tidak dirancang, mengoptimalkan penggunaan tenaga dan meningkatkan kecekapan aset yang secara langsung mengurangkan pelepasan karbon dan kos operasi.

Keupayaan ini turut menyokong pematuhan kepada mandat ESG.

Apabila data kelestarian yang tepat dan boleh diaudit menjadi keperluan perniagaan, platform yang menggabungkan data merentas kitaran hayat industri dalam format yang kontekstual membolehkan pelaporan yang lebih telus dan membuat keputusan yang lebih baik.

Sebagai contoh, platform AVEVA CONNECT menyatukan data masa nyata dalam konteks yang sesuai, membolehkan syarikat mengukur dan memantau metrik kelestarian utama seperti pelepasan karbon dan penggunaan sumber.

Satu daripada contoh global ialah Dominion Energy, yang menggunakan CONNECT untuk berkongsi data masa nyata daripada rangkaian grid mereka melalui awan memberikan pelabur, juruaudit dan pengawal selia bukti prestasi kelestarian yang boleh disahkan.

Ketelusan ini menjadi kelebihan daya saing, menarik perniagaan baharu dan membina kepercayaan.

Boleh kongsikan contoh bagaimana AVEVA sedang menyokong sektor tenaga atau pembuatan di Malaysia dalam perjalanan transformasi digital mereka?

AVEVA menyokong transformasi digital sektor tenaga di Malaysia dengan membina asas yang membolehkan keputusan yang lebih bijak, pantas dan lestari di seluruh kitaran hayat aset.

Sebagai contoh, Petronas, syarikat minyak dan gas bersepadu telah menggunakan analitik ramalan dan infrastruktur data industri AVEVA untuk mengurangkan waktu henti tidak dirancang dan meningkatkan kebolehpercayaan peralatan.

Dengan menggabungkan AVEVA PI System dan AVEVA Predictive Analytics, Petronas membangunkan sistem amaran awal berasaskan awan untuk memantau peralatan berputar kritikal.